

# Jom kenali EKSA



## APA ITU EKSA ?

**EKSA adalah singkatan Ekosistem Kondusif Sektor Awam yang merupakan penjenamaan semula pelaksanaan Amalan 'Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal' atau 5S Sektor Awam. Langkah penjenamaan semula ini seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga kerjanya.**

## MENGAPA PERLU EKSA ?

**EKSA sebagai kesinambungan dari Amalan 5S dilihat sebagai satu program yang menggalakkan usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sesuai dan mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan. Persekitaran pejabat yang sistematik, selesa dan kondusif berupaya melahirkan idea dan aktiviti serta inovasi dan dapat merangsang motivasi kerja ke arah mencapai tahap kerja yang berkualiti, produktif dan efektif.**

## BAGAIMANA EKSA BOLEH DILAKSANAKAN ?

**Mulakan langkah 'Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal' secara berperingkat seperti ruang kerja, ruang guna sama, persekitaran pejabat dan tempat umum. Lakukan budaya inovasi dan amalan hijau mengikut kreativiti dan kekemasan seiring tahap keselamatan, bersih dan sihat.**

## SIAPA SASARAN EKSA ?

**Kita semua, warga Hospital Kuala Lumpur. Ayuh bersama kita ke arah membudayakan EKSA Hospital Kuala Lumpur!**